

## Cabaran Era Globalisasi

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Saudara-saudara sekalian,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah bersama kita mengukuhkan keimanan kita kepada Allah s.w.t. dan bertekad menjadi individu muslim yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dalam apa juu keadaan sekalipun.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Perubahan zaman dan era adalah suatu ketentuan Allah atau *Sunnatullah*, yang tentunya tidak dapat dielakkan. Suasana pada hari ini sudah tidak sama lagi seperti sepuluh tahun atau sedekad yang lalu. Kemajuan teknologi perhubungan dan pengangkutan yang kita nikmati pada hari ini bukan sahaja telah mengubah gaya hidup kita, malah juga cara pemikiran

kita. Bersama setiap perubahan, semestinya akan datang rentetan jua cabaran. Namun, di antara tindakan yang paling penting kepada kita umat Islam ialah bagaimanakah caranya kita mampu menghadapi setiap cabaran itu sebagai seorang individu muslim yang sejati.

Mimbar jumaat ini ingin mengingatkan kepada sidang Jumaat sekelian, supaya sentiasa bijak memanfaatkan teknologi pada zaman globalisasi ini untuk mendekatkan diri kita kepada Allah Internet contohnya hendaklah dimanfaatkan sebagai wadah untuk menyebarkan keindahan akhlak Rasulullah s.a.w. dan juga mempertingkatkan ilmu pengetahuan kita. Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dengan penggunaan internet telah menyediakan kita dengan pelbagai jalan untuk mendalami agamaNya dan mencari redhaNya.

sabda Rasulullah s.a.w:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Ertinya: “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat di kalangan mereka untuk manusia (lainnya)”. [Hadith Riwayat Imam As-Suyuthi, Al-Jamik As-Saghir]

Dunia hari ini diibaratkan seperti sebuah ‘kampung global’ yang saling berhubung tanpa ada sempadan dan batasan.

Globalisasi memungkinkan berlakunya pertukaran barang dagangan dan juga pertukaran budaya secara besar-besaran. Penyebaran maklumat bukan lagi terhad kepada sesebuah negara malah kini mampu merentasi sempadan dan boleh didapati di mana pun kita berada.

Sumber pemerolehan maklumat dan ilmu pada hari ini bukan hanya daripada buku, suratkhabar mahupun televisyen, tetapi *facebook*, *twitter*, *youtube* dan juga lelaman-lelaman lain di internet. ‘Ledakan maklumat’ yang berlaku pada hari ini memang sesuatu yang sangat mengagumkan.

Sidang Jumaat sekelian, memang tidak dapat dinafikan bahawa ‘ledakan maklumat’ yang boleh diperolehi dengan mudah pada hari ini telah menjadikan kita lebih peka akan hal ehwal semasa, namun, pada waktu yang sama kita haruslah berhati-hati kerana ianya tidak sepi daripada cabaran yang boleh menjejas kehidupan beragama kita. Hidangan maklumat yang begitu rencam mendedahkan kita atau anak-anak kita kepada ideologi-ideologi kurang sihat seperti liberalism, hedonisma, pengganasan dan lain-lain lagi. Nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam juga mudah menyelinap masuk menerusi lagu-lagu mahupun video-video yang boleh didapati dengan mudah di internet.

Wujudnya globalisasi juga membawa kepada timbulnya pasaran idea yang bebas atau '*free market of ideas*', khususnya dari segi penyebaran agama di Internet. Walaupun ini bermakna semakin banyak bahan keagamaan diperolehi daripada Internet, cabarannya terletak pada kewibaan dan kesahihan sesuatu maklumat itu. Dengan hidangan maklumat dan perbezaan pendapat yang pelbagai, kita mungkin akan menghadapi kekeliruan di dalam menilai mana satukah maklumat yang benar dan sesuai untuk diguna pakai pada zaman dan konteks kita pada hari ini.

Saudara-saudara sekalian, mengetahui cabaran-cabaran yang sedia ada tanpa mengetahui cara-cara untuk menanganinya tidak mampu menggerakkan kita ke hadapan. Oleh itu, sebagai seorang muslim yang hidup pada zaman moden ini, kita perlulah mempunyai langkah-langkah yang tertentu untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi yang disebutkan tadi agar kita dapat terus mengamalkan Islam dan berpegang teguh kepada prinsip agama kita di dalam keadaan yang sentiasa berubah-ubah ini.

Dalam menghadapi 'ledakan maklumat' yang sukar dibendung ini, kita haruslah bijak menilai segala maklumat yang kita perolehi sama ada menerusi internet, televisyen, radio, suratkhabar mahupun bahan bacaan lainnya.

**Pertama:** Kita haruslah memerhatikan dengan teliti nilai-nilai yang dibawa masuk oleh sesuatu ideologi atau teori. Perhatikanlah, wahai saudara-saudaraku sekalian, adakah sesuatu yang dibaca atau ditonton oleh kita mahupun ahli keluarga kita mempunyai nilai-nilai atau unsur-unsur yang membawa kepada penafian konsep ketuhanan, menjauhkan diri daripada tujuan sebenar kehidupan? Ataupun ia berpotensi membawa kepada permusuhan dan kebencian atau mungkin keruntuhan akhlak?

**Kedua:** Kita haruslah membiasakan diri untuk meneliti segala yang diterima sebelum menyebarkan maklumat tersebut. Ini bermaksud kita seharusnya tidak tergopoh gapah dalam menerima dan mempercayai sesuatu maklumat sebelum kita memastikan kebenarannya terlebih dahulu. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Hujurat, ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوْا  
أَنْ تُصِيبُوْا قَوْمًا بِجَهَلَةٍ فَتُصْبِحُوْا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ

ندمين

Ertinya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan*”.

Selain dari cermat meneliti isikandung maklumat, satu lagi nilai yang perlu diteladani ialah sifat jujur dan benar dalam menyebarkan sebarang maklumat agar tidak berlaku sebarang pembohongan mahupun fitnah. Janganlah dengan mudah kita menyebarkan sesuatu maklumat yang kita sendiri kurang pasti dari mana datangnya dan sejauh mana kebenarannya. Ini kerana ia akan hanya menimbulkan pergeseran di dalam masyarakat kita dan rasa tidak selesa di kalangan kita.

Perhatikanlah sabda Rasulullah s.a.w.:

كَفَىٰ بِالْمُرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Ertinya: “Cukuplah bagi seseorang itu pembohongan apabila dia menceritakan setiap yang dia dengar” [Hadith diriwayatkan Muslim]

**Perkara yang ketiga:** Ialah hendaklah kita merujuk kepada yang pakar jika kurang pasti akan sesuatu. Inilah yang dimaksudkan dengan amanah ilmu. Usahlah kita dengan cepat

menyimpulkan sesuatu kefahaman yang kita dapati daripada internet, contohnya, tanpa kita rujuk kepada orang yang pakar dalam bidang tersebut untuk mendapatkan kepastian. Ini kerana internet memang boleh menyediakan kita dengan pelbagai maklumat, namun meraih kefahaman yang betul bersesuaian dengan konteks pada hari ini perlu diperolehi daripada ulama yang boleh dipercayai. Bukankah Allah s.w.t. telah berfirman dalam surah An-Nahl, ayat 43 yang berbunyi:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Ertinya: “*Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui*”.

Lagi-lagi sekiranya maklumat yang kita peroleh itu merupakan maklumat agama, yang mana ia tertakluk kepada pemahaman si penyampai ataupun penulis tersebut. Dan kemungkinan, pendapatnya bukanlah merupakan pendapat yang dipegang jumhur ulama. Sentiasalah berwaspada, lagi-lagi sekiranya kita memiliki kecenderungan untuk mencari jawapan bagi persoalan agama melalui internet.

Sidang Jumaat Rahimakumullah,

Saya ingin menyarankan sebuah doa yang diriwayatkan menjadi amalan sebahagian para sahabat r.a., untuk kita

sentiasa bermohon kepada Allah, agar Allah s.w.t. memberi kepada kita pertunjuk, dan semoga Dia jauhkan diri kita dari tertipu dan tersesat jalan dan arah. Doanya berbunyi:

اللَّهُمَّ أَرْنَا الْحَقَّ حَقًّا وَأَرْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرْنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَأَرْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ

“Ya Allah yang Maha Agung, tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai suatu kebenaran dan anugerahkanlah kepada kami kekuatan untuk mengikutinya. Dan tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai suatu kebatilan dan anugerahkanlah kami kekuatan untuk menjauhinya”. [Kitab Syarah Muntaha Al-Iraadat]

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنِ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَةً إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةِ الشَّائِئِينَ.